

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: <tarikh>

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans perubatan dan kesihatan anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.****1 Apa itu MyCritical Cover?**

MyCritical Cover ialah plan penyakit kritikal tanpa penyertaan yang boleh diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan sekiranya didiagnosis dengan mana-mana satu daripada 4 penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi. Plan ini juga memberikan manfaat Elaun Penjaga.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda**Sebagai ilustrasi, bagi RM11.40*** secara bulanan, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:**Premium yang ditunjukkan terpakai untuk lelaki berumur 30 tahun pada hari jadi berikutnya yang tidak merokok, dengan tempoh polisi selama 40 tahun, Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM100,000 dan risiko piawai.*Penyakit Kritikal **RM100,000**Elaun Penjaga **RM5,000**

Perlindungan Tambahan Tidak berkenaan.

Penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi di bawah plan ini termasuk:

1. Kanser
2. Strok
3. Serangan Jantung
4. Kegagalan Buah Pinggang

Nota: Sila baca kontrak polisi anda untuk maklumat mengenai penyakit-penyakit kritikal yang dilindungi.Insurans perubatan dan kesihatan anda **tidak termasuk:**

- Keadaan Sedia Ada;
- Sekiranya penyakit kritikal yang didiagnosis dalam tempoh menunggu; dan
- Kecederaan atau kesakitan akibat kecederaan yang dilakukan sendiri atau pertarungan sama ada ketika waras atau tidak waras dalam tempoh 13 bulan dari tarikh pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana terkemudian.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda **harus merujuk** kepada kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh.Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:Hubungi
03-7652 3388Layari
[MyCritical Cover](#)Emel
customerservice@mcis.my**3 Ketahui Tanggungjawab Anda****Bagi insurans perubatan dan kesihatan anda, anda harus membayar premium sebanyak:**

Premium Asas <jumlah premium> secara <kekerapan>, bagi Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak <jumlah>.

Premium adalah dikenakan ke atas risiko piawai. Premium adalah tidak tetap dan akan meningkat mengikut umur anda pada hari jadi berikutnya.

Tempoh Polisi: <tempoh> tahun

Tempoh Bayaran Premium: <tempoh> tahun

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Komisen Tidak berkenaan.

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan.
- Terma polisi dan premium mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Premium adalah tidak dijamin. MCIS Insurance Berhad berhak untuk mengubah premium dengan memberikan 30 hari notis dahulu.
- Perlindungan anda bagi Strok dan Kegagalan Buah Pinggang hanya akan bermula 30 hari selepas tarikh pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula, kecuali bagi Kanser dan Serangan Jantung, yang mana hanya akan bermula 60 hari selepas tarikh pengeluaran atau tarikh penguatkuasaan semula.
- Tempoh meneruskan hidup selama 30 hari dari tarikh diagnosis dan pengesahan penyakit kritikal adalah terpakai.
- Tempoh tangguh selama 30 hari bagi kekerapan pembayaran premium bulanan dan 45 hari bagi kekerapan pembayaran premium lain adalah terpakai. Pelan insurans anda akan luput sekiranya sebarang premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu bagi pelan insurans baharu atau oleh syarikat insurans baharu.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai terma dan syarat yang penuh.



Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung tanpa faedah.
- **Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Polisi anda selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan dengan menulis kepada MCIS Insurance Berhad.

SAMPLE